

**EBOOK INI ADALAH SEBUAH EBOOK YANG MENYEDIAKAN 107 CONTOH STORYTELLING DARI SAYA SENDIRI DAN DARI PELAJAR PELAJAR SAYA SEBELUM INI.**

Bismillah dan salam sejahtera.

InshAllah semua contoh contoh yang diberikan adalah bertujuan untuk anda dapat menambahkan idea dalam penulisan Storytelling. Adakala saya memahami menulis copywriting adalah satu perkara yang memerlukan ketekunan dan ketelitian dalam menghasilkan yang terbaik.

Paling penting, ambil ebook ini anda gunakan sebagai satu perjalanan dan mulakan penulisan copywriting dengan baik. Bagi mereka yang telah mendapatkan ebook ini dengan izin saya memohon anda tidak menggunakan 100% penulisan yang sedia ada didalamnya (Copy & Paste) sebaliknya (Adjust & Paste).

Pesanan saya menulis itu bukan pada sedap tetapi ianya lebih kepada memahami kenapa prospek perlu membacanya. Jadi inshAllah teruskan membaca dan lihatlah contoh contoh yang disediakan.



**SELAMAT BELAJAR DAN MOGA DIMUDAHKAN URUSAN ANDA SEMUA.**

## Copywriting Jual Handphone

Mari mari adik kakak semua, saya memang ada sebuah phone yang masih elok dan 98% kondisinya dalam keadaan baik. Usah percaya jika tak tengok gambar saya berikan.

Fon Mi5X, Ram dia 4 gb sesuai nak tengok internet laju, Storage dia 64GB pun dah memadai jika sehari kamu shoot 5 selfie. Setahun baru penuh.

Kemudian warna merah dia membuatkan korang yang memakainya tampak hebat dimata orang yang melihatnya.

Harga kawan kawan adik adik punya kiraan. COD di area IPOH, Charger dan earphone diberikan free. Siap ada kotak yang cantik lagi tau.

Selain itu saya belanja minum teh tarik waktu kita deal nanti. Siapa nak sila wasap saya di nombor

[www.wasap.my/60123456789/NAK+FON](http://www.wasap.my/60123456789/NAK+FON)

## Copywriting UBAT KUAT

Status ini yang berumur 18 tahun keatas sahaja yang baca. Minyak BIAWAK untuk Nonet. Original mai dari Mesir.

Wahai para lelaki. Sungguh khasiatnya sangat berguna

- Melegakan sakit urat
- Cepat menyembuhkan luka luaran atau dalaman
- Menghilangkan gatal kulit
- Melegakan segera terkena air panas
- Merawat luka bersalin biasa atau pembedahan
- Lain-lain

Wahai Lelaki yang ini hampa cari kan?

- Menguatkan tenaga batin lelaki dan wanita
- Menguatkan alat kelamin lelaki
- Menegangkan alat kelamin

Lelaki sejati hanya boleh gunakan begini

- Campurkan beberapa titik didalam air suam untuk di minum
- Boleh juga di makan bersama telur ayam kampung.
- Di lumur serta diurut pada alat kelamin 3 kali seminggu pada malam dan awal pagi, biarkan minyak menyerap dalam kulit.

Dalam gambar saya dah tunjuk botolnya. InshAllah sampai di malaysia hujung bulan April ini. Sebotol tak mahal mana RM45 sahaja. Jika naksaya COD area IPOH RM5 tambahan. Tempat lain kita POS LAJU Naa.

Siapa yang boleh nak free gift. ha ni dia free gift saya sediakan \*jika buat pembayaran segera free postage

Whatsapp saya ditalian (+601136709594) zafri untuk dapatkan maklumat lanjut Minyak Biawak Padang Pasir.

## COPYWRITING SEWA RUMAH FLAT

Bismillah.

[#AyatKlanHartanah](#)

Salam kepada mereka yang masih mencari rumah sewa di sekitar kawasan ipoh. Marilah lihat kemudahan yang ada di kawasan flat Menglembu ini.

Depan flat ada pasaraya yang menyediakan barangan runcit seharian dan ada barangan kehendak anak anak hingga kita yang dewasa.

Tak dilupakan kawasan flat ini tak jauh dengan Pasar Ikan, ayam, daging dan sayur sayuran fresh yang sememangnya 80% peniaga melayu.

10 minit dari kawasan flat ini. Ada pasaraya besar seperti Aeon dan Tesco. Masjid juga berdekatan dalam 500 meter dari flat.

Rumah flat kami ada 3 bilik sesuai untuk mereka yang berkeluarga dua atau tiga orang anak kebawah. Kawasan parking selamat kerana ada sukarela buat rondaan setiap 4 jam sekali.

Untuk anak anak ada taman mainan siap ada ikan ikan disitu. Best besar taman itu 1km kawasan persegi. Berkelah dengan keluarga pasti menyeronokkan.

Jom view rumah flat kami. Budget antara Rm600 sebulan. Deposit masuk semua kita bincang sampai jadi.

Wasap sha untuk book viewing khamis ini. Terhad untuk 5 orang sahaja untuk viewing ya.  
wa..me/0123456789

[#RumahMurahSewa](#)

[#KawasanBest](#)

## COPYWRITING JUAL STROLLER

Lazada jual sampai Rm1399 stroller ini, pergh agak mengetar tangan dibuatnya.

Ringan stroller ni, pastu boleh bawak ke hulu ke hilir rasa macam bawa baby sehulan. macam dalam gambar tu nampak kan.

Lipat lipat kecil dan boleh sandang. senang.

Tak sangka  
Dulu aku kecik kecik tak merasa ler duduk stroller rege ribu ribu ni, kengkawan ada tak wife korang yang ada anak kecil nak pakai stroller ni.

Rekomen ler kat adik teman ni, beli satu.

Dalam gambar ada macam macam colour .cantik betui. tahan lama pula tu. hingga anak 20kg pun boleh dibawa dalam stroller tu. wow.

Ini kisah kebenaran!  
Adik aku baru balik shopping,  
Dia dah beli yang baru ni ada dalam 10 biji, rege jimat giler Rm999 seunit ja, kualiti sama, harga berbeda.

Boleh korang rekomen kat wife korang dak?  
Kot kot berkenan apa salahnya ambil dengan harga Rm999 dari dok bayar Rm1399.

Barang sampai depan rumah. Deposit rm100 je. Barang sampai kemudian puas hati baru bayar, giler jaminan kebenaran ni.

Korang contact adik aku ya. No dia 012 3 444 555  
Nama dia Adik saipul. Lembut orangnya.

## COPYWRITING JUAL TINTED RUMAH

Sekarang cuaca bahangkan, terasa panasnya.  
Pasang AIRCOND dirumah 2hp pun tak jalan  
waktu tengahari. Siap pasang kipas dirumah lagi.

Korang nak tak saya kongsi cara nak mudah  
bagi aircond korang sejuk dan bertambah baik.  
Bila time panas terik. Korang apply teknik menjimatkan ini.

Guna langsir berwarna gelap. Hitam atau biru tua,  
atau meroon ianyakan serap panas dan panas tak  
melantun dalam bilik kita.

Atau cara kedua korang boleh try guna khidmat aku sebagai  
pakar tinted rumah yang kalis cuaca hingga 95% cahaya tak  
dapat tembusi dari cermin cermin rumah anda.

Tinted yang aku nak rekomen ini sesuai untuk sejukkan bilik korang  
yang sebesar 16 x 13 kaki persegi tu. Atau ruang tamu korang yang  
ada sliding door elok pasang yang jenis orang luar tak nampak orang dalam.

Apa bagusnye lagi jika ada TINTED CERMIN

- + WARRANTY 8 TAHUN
- + KESELAMATAN RUMAH
- + CAHAYA YANG MASUK BAGUS
- + PENJAGAAN CERMIN JANGKA MASA PANJANG

Hasil kerja aku dah banyak berpuas hati, paling penting korang cuba  
hubungi aku di talian ya. Sebab aku suka berbincang dan kita deal sampai  
jadi. Harga usah ridau terbaik dan termurah aku sediakan.

Aku Ah Leong, PAKAR TINTED RUMAH BESAR.  
[www.wasap.my/60123456789](http://www.wasap.my/60123456789)

COPYWRITING PENDEK PADAT PADU  
contoh copywriting pendek, padat & padu.  
Sebagai contoh saya sediakan.

jika kedai makan.

Menu yang terbaik dari kami. InshaAllah mengenyangkan. waze kami di Chillex sri iskandar.

jika foundation

Tiga minit siap. Lepas solat. Muka terus glowing dan kemas. Awak nak dapatkan klik link wassup ini.

[www.whatapps.com/mesejida](http://www.whatapps.com/mesejida)

Jika insurans

Seronoknya, bil hospital saya dibayar oleh syarikat. Saya kerja swasta bergaji rm2k sahaja. Awak nak macam saya. Call terus 012 3333 444 untuk pendaftaran dan nasihat

jika kuih raya

Kuih kapit durian, Sebalang 50 keping baru RM22. Beli sebalang percuma 20 keping extra. Order sekarang ngankak farah. 019 222 4455

Jika baju raya

Selesanya, buttang mahal, jahitan kemas, colour lembut, kulit gelap hingga sawo matang elok sangat order. Cantik dan bergaya dihari raya. Size s- xxl. Stok ada banyak. mesej Tipah - 016 6666 777

Jika aksesori baby

Bawah RM30 dah boleh bergaya dengan barang perhiasan kami. Belian RM50 percuma baju baby ciloren. klik [www.aksesoribaby.com](http://www.aksesoribaby.com)

Jika produk kurus

Raya, nak kelihatan ramping, walaupun sekarang 60kg. tiada yang mustahil. [#gulagulakuruskan](https://www.instagram.com/gulagulakuruskan) ada. Mesej Mar sekarang untuk free trial. 012 9999 012 - sentiasa membantu. KKM lulus.

jika tudung

tutup dada, patuh syariah, kemas, warna dan ianya selesa. from yaman design. serendah RM35 je. Nak free gift. Whatapps Kak chik.

011 2345678

## COPYWRITING UBAT SAKIT GOUT

MAK MERTUA. Tahun ini beliau lepas diri ke tanah suci menunaikan UMRAH. 74 tahun, masih ada bengkak kerana GOUT.

Dah tua tua nak menjaga mak bukan satu perkara mudah. Ko ada mak yang berumur macam aku ini. Dah la ada satu simpton sakit gout yang dah lama melekat pada badan.

Jalan pun rasa mencucuk cucuk seperti jarum. Solat apatah lagi akan merasa sesuatu yang sukar untuk ditunaikan. Azam ma mertua sentiasa tak pernah tinggalkan solat.

Yakin dia akan menunaikan umrah tahun ini. IZin Allah memang tak sia sia berikhtiar mencari penawar sakit goutnya. RHIZOPLUS. MAK MERTUA baru amalkan sebotol. Bengkak kaki sebab gout hilang, kaki rasa ringa melangkah.

Nikmat ni berterusan. Alhamdulillah doakan maka mertua saya sentiasa sihat- Lina

—

RHIZOPLUS mujarab dikeluarkan dengan herba yang dijamin beri kesan yang menakjubkan. Berbekalkan formula tradisional yang diluluskan KKM.

RHIZOPLUS tiada jaminan lain. Yang ada tidak menjadi boleh dipulangkan semula. Tuntut wang anda. Segera dapatkan kebahagiaan kesihatan yang terbaik melalui makanan herba terpilih.

Tinggalkan no telefon anda sekarang supaya mudah admin saya membantu untuk mendapatkannya.

p/s. Wang tidak mampu ubah segalanya. yang mengubahnya hanya usaha tanpa putus asa.

## COPYWRITING JUAL SIM KAD

"ASAL BUKA DOMPET,MESTI MASAM MUKA,BOHH ! "

Saya masih ingat lagi masa mula<sup>2</sup> saya start study di maktab perguruan di Pahang dulu. Student life ini memang mencabar. Perghh,sekali makan,mesti Rm10 melayang.

Ikan keli + nasi + teh o ais,dah cecah hampir RM10.

Lepas itu,mula pakai kereta sebab nak travel untuk praktikal. Elaun maktab sikit saja, dalam Rm500 lebih saja sebulan.

Takkan la nak isi minyak keta Rm20 saja.  
Tak tambah lagi benda<sup>2</sup> alah macam buku ,fail ,benda<sup>2</sup> lain

Saya mula rasa STRESSS,STRESS ,STRESS !  
Sampai bila nak jadi macam ini ?  
Takkan lah setiap minggu nak MINTA duit pama saja ?  
Hadoi,sesak dada mereka .

Lantas,saya terpikir untuk mula buat bisnes kecil kecilan.  
Saya start dengan jual roti sosej ,ketuk pintu ke bilik dari bilik,blok ke blok sambil menjerit,  
" Roti sosej ,roti sosej,siapa nak,cepat<sup>2</sup>,Rm1.00 saja. Lambat tinggal! "

Hari hari saya membanting tulang demi mencari rezeki lebih untuk tampung kos sara hidup. Lama lama,saya rasa banyak kekangan masa dan tenaga ,sampai nak ke kelas pun letih. Penat boss !

Kemudian,awal 2015,Allah datangkan "rezeki" dalam bentuk peluang kepada saya. Saya jumpa satu peluang bisnes yang :

- 1- santai,rileks,tak perlu pegang stok
- 2- untung berkali kali secara PASIF.
- 3- produk KEPERLUAN yang memang orang pakai SAMPAI MATI !

Hanya dengan upgrade kepada Simkad Tone Excel ! Yesss !  
Pada mula nya,saya kata, " ish,mengarut lah,takkan lah boleh dapat duit dengan pakai benda alah ini.."

Lepas itu,selepas kaji,terpacul keluar dari mulut saya ,"alamak,kenapa lah aku tak jumpa peluang ini awal<sup>2</sup>." Mungkin ada sebab Allah buat macam itu. Supaya saya rasa betapa peritnya menjemput rezeki.

Saya pun apa lagi,rembat terus peluang itu. Saya terus kekalkan nom lama dan kesemua 8 manfaat bila upgrade kepada simkad Tone Excel ini saya DAPAT !

Alhamdulillah ,sekarang dah cecah 2016,dah hari ini saya baru saja bergelar guru bahasa Inggeris. Tapi income pasif AKIBAT upgrade kepada simkad Tone Excel masih lagi masuk ke CIMB saya.

Dan sudah mencecah 4 Angka setiap bulan walau tak buat apa apa. Padahal saya topup macam orang lain juga,tapi terpaksa juga dapat income pasif ini. Jadi kalau anda nak dapat macam saya,saya akan share kepada anda macam mana nikmat "rezeki" ini dengan izin Allah.

Komen aje "NAK" di bawah sekarang.  
Komen aje "NAK" di bawah sekarang.  
Komen aje "NAK" di bawah sekarang.

[#gunasimkadtoneexcel](#)

## COPYWRITING KELAS ROTI

Akak buat kelas roti yang sememangnya bagi student yang hadir kita ajarkan praktikal sampai jadi.

Dalam kelas ada dua tiga jenis roti yang kita ajar. Roti yang mudah dipasarkan, dipasaran. At least dah habis belajar terus boleh berniaga.

Selain meniaga korang bayangkan untuk ahli keluarga, sahabat handai, saudara mara juga elok korang bagi makan roti yang sedap dan handmade sendiri. Baru sedap.

Suasana dalam kelas nanti kita santai santai belajar belajar buat terus. Ha ni korang memang sukakan.

Akak onlan aircond dalam bilik kita belajar tu. Sejuk dan nyaman je nanti bila belajar.

Permintaan kelas dah makin mengalakkan. Akak nak jemput sahabat atau kenalan semua mari belajar bengkel Roti "Yatie Marvellous".

Tak jauh mana pun lokasinya hanya ada di kawasan segambut je ahad ni dah ada kelasnya. Daftar segera ya.

Tempat ada 10 orang sahaja. Berbaki 6 orang sahaja. Korang cepat ambil telefon hubungi melalui Call

0123456789

Atau wasap

wa.me/60123456789

Atau PM facebook Akak

m.me/yatiemarvellous

Jangan lengahkan masa dah suntuk tau. Cepat.

## COPYWRITING HOMESTAY

Nak bercuti di cameron highland? Nak view yang best untuk melihat suasana pagi yang indah juga. Apa kata cuba tempah homestay kami.

Pertama : Tak mahal jika di bandingkan dengan kemudahan yang disediakan. Sekitar kawasan Homestay

+ Mudah nak parking sebab kawasan luas dan parking memang senang nampak dari homestay juga

+ Ada lift untuk naik kerumah homestay kami senang angkut barang yang besar besar

Kedua : Homestay kami sangat selesa

+ Ada Astro untuk tontonan TV, anak anak suka cartoon kan.

+ Iron baju disediakan untuk anda sekeluarga kelihatan kemas.

+ Ada dapur untuk memasak sekeluarga. Masak sendiri atau ruangan makan yang selesa.

+ Bilik mandi anda water heater dan 3 bilik tidur yang katil itu lapan orang boleh disediakan.

+ Ada Balkoni dan yard boleh lihat pandangan yang indah diluar homestay.

Ketiga : Kawasan Homestay penuh dengan keseronokan

+ Berada di tanah rata. Sebab di sinilah tempat ada Klinik, ATM, Bengkel kereta Motor, Kedai Runcit.

+ Restoran makanan banyak disini. Nak western, kelantan, seafood dan berbagai lagi ada di sini.

+ Tak jauh untuk pergi ketempat lain, Ladang Strawberry, Pasar Malam, Mardi, Ladang Teh Bharat, Parit Waterfall.

Keempat : Nak diskaun ketika duduk lebih sehari kan? Ambil telefon save no ini [0123456789](tel:0123456789) kemudian wasap saya. atau klik link wasap ini [wa.me/60123456789/nakhomestay](https://wa.me/60123456789/nakhomestay).

Diskaun baik punya akan disediakan bagi mereka yang segera buat tempahan ya.

## COPYWRITING MINYAK BIDARA

Bismillah.

Ada saudara mara atau anak sendiri yang sering menaggis atau kencing malam hari? Kawan saya ada Minyak Sawan Tanggis dari Herba Bidara.

Mai komen PM. Dia nak tanya beberapa soalan.  
COPYWRITING Negatif Positif

Saya serahkan satu contoh dulu  
Ini contoh ayat iklan negatif

Anak lembab baca al quran.  
Mak bapa tak pandai ajar anak mengaji.

Ini contoh ayat iklan positif

Sukanya tengok si aiman pandai mengaji.  
Dimana dia belajar hafal 5 juzuk waktu umur 5 tahun begini?

Korang nampak dak pertukaran yang berlaku. Objektif dia sama.  
Beza nya penyampaian positif dan negatif.

P/s: mak jukiberk pun suruh kita selalu tulis yang baik baik  
bila buat ayat iklan. 🤖

## COPYWRITING PRODUK KURUS

Dah Macam Cara Buat.. Tapi Tak Kurus Juga?

=====

Jujurnya

Dah lama akak cari pr0dvk kuruih nie..selalu jumpa dlm bentuk cecair...cemuih dah..tapi tak kuruih2 jugak.. bila berFB..iklan nie lalu kat wall akak..tengok2, belek2 pagenya..berkenan dengan manfaatnya...

Apa lagi capai tepon..terus whatsapp Tanya harga.. wow berpatutan..dapat SAGUHATI lagi..

EXCELLENT..servis tip top..semalam bayar .. hari nie dah dapat.

Punyalah tak sabar..koyak plastik parcel..bukak botol.. ambik 3 biji..akak kunyah... sedapnya tablet nie.. rasa..masam maniss.. hmmm...tak cukup rasa 3 biji tu..

Puashati sangat..akak akan syor tablet nie kalau kwn2 akak teringin kuruih..kunyah seminggu akak dah hilang 5 kylo ..- "kak Ina"

Panjangg lebar kak Ina tu bercakap ngan Ila beratt bdn dia dah trun. Alhamdulillah seronok bila customer dapat apa yang dihajati.

Meh Ila kongsikan detail lbih lanjut kat whatapp Bg no Whatsapp d komen ya. Ila whatsapp detail sekarang. Postage Ila belanja tau.

## COPYWRITING MINYAK BABY

### MAAFKAN MAMA SAYANG....MAMA TAK TAHU

Mama tak tahu kenapa baby mama suka menangis pada waktu malam.

Mama dah cuba macam- macam cara untuk tidurkan baby, tapi tiap- tiap malam, baby macam itu jugak.

menangis...menangis dan menangis  
Mama penat sayang, mama letih!  
Sehinggalah mama jumpa feedback ini dari kawan mama.

Rupanya ada ikhtiar lain selain dukung baby mama ke hulu ke hilir untuk tidur.

“ semalam cuba dekat adra. Dia selalu tidur jam 1 atau 2 pagi. Semalam bagi pakai jam 11 malam, dia minta susu lepas tu dia golek- golek sendiri pejam mata..seronoknya jiwa raga mama nih”  
- Puan Fatin Zulaikha

“ Baru je sapu yang sleep dan cough sekali sebab baby macam ada kahak dan batuk sikit. Baby nak tidur kaki memang kayuh non stop, dukung pun takkan duduk diam. Kali ini, dukung sekejap dan letak atas tilam, terus mamai dan tidur. Lama pulak tu.....Syukur Sangat”  
- Puan Asyikin

Mmmmm.....Dah Nyenyak Sayang Mama.....  
Syukurnya ada TasneemNature Balm.

Yang warna ungu ini namanya Sleep Time;  
Bantu anak supaya mudah tidur.  
Mama lega banyak.

Ada tak mama lain yang alami masalah serupa mama?  
Jom cuba balm natural ini.  
Klik link dibawah

<http://www.wasap.my/60175082443/balm>  
<http://www.wasap.my/60175082443/balm>  
<http://www.wasap.my/60175082443/balm>

## COPYWRITING JUAL BUKU

Bismillah.

Ada yang dah baca ke Buku 5 Minit Google Marketing.  
Saya Alhamdulillah dah baca dan mentelaah ilmu ringkas,  
padat dan berbaloi.

Saya suka bahagian google my business dan part youtube.  
Bila buku ini bertajuk 5 minit. Maksudnya di berikan tutorial  
yang mudah di faham.

Eloklah korang mentelaah. Nak dapatkan  
Klik Link ini

<https://sifuadwords.onpay.my/.../buku-5-minit-google-mark.../473>

## COPYWRITING CUCI KARPET

Mesin Jetspin yang digunakan untuk cuci karpet anda adalah satu dari cara nak memudahkan karpet anda kering dan tak berbau. Proses spin yang sangat kuat melalui mesin ini, akan memudahkan karpet kering dan tidak berbau selepas di cuci.

Boleh sahaja nak cuci karpet pakai water jet. Cuma kesan kerosakkan karpet akan bermula. Dalam proses mencuci karpet anda perlu tahu cara terbaik.

Melalui proses yang kami sediakan, proses bermula dengan pancuran air yang ringan supaya karpet itu menjadi basah.

Sudah dibasahi barulah kita sediakan pula sabun yang tidak memudaratkan karpet. Hampa jangan dok belasah sahaja sabun untuk cuci karpet. Rosak dan luntur kualitinya nanti.

Rata rata di rumah orang melayu islam kebanyakan karpet yang digunakan adakala sudah berbulan bulan tidak dibasuh.

Penyelenggaraan untuk mencuci karpet sebenarnya elok dibuat 3-6 bulan sekali. Jujurlah. Habuk dalam karpet ini tidak boleh hilang dengan vacum biasa. Sebaliknya perlukan mesin vacum khas.

Bukan nak promote. Paling banyak kami jumpa ada yang pakai 1500 watt vacum untuk karpet yang tebal. Mana mungkin dapat selesaikan habuk yang tertimbus didalamnya.

Kami sekarang ada 12 jenis mesin untuk urusan cuci karpet ini. Yang penting mesin mesin ini adalah jentera yang berkualiti lagi bermanfaat.

Usaha untuk menjalankan perniagaan cuci karpet ini jika betul betul kita sediakan barangannya memang modalnya sangat kasar.

Sebab itu perkhidmatan cuci karpet tumbuh bagaikan cendawan tetapi tidak ada yang sediakan mesin mesin yang berkualiti tinggi dan terbaik untuk berikan servis terbaik untuk cuci karpet.

Di kilang kami, anda boleh datang dan tengok sendiri prosesnya. Dan paling penting setiap proses itu dari awal menjaga karpet anda dengan baik sehinggalah mengeringkannya.

Selepas dikeringkan kami akan sediakan bungkusan dalam plastik dan dihantar kerumah anda semula.

Betul Tuan/Puan. Kami sedia ambil dan hantar untuk cuci karpet dari rumah, pejabat, hotel, masjid, surau, kilang kilang dan berbagai sektor lagi kami telah bantu cuci dengan baik.

Nak berunding cuci karpet anda. Sila berikan nombor telefon dan nama supaya team kami boleh hubungi anda melalui wasap atau call direct. Harga yang kami sediakan tidaklah mahal. Setanding dengan servis yang kami sediakan.

Klik Butang GET OFFER untuk tujuan berurusan niaga dengan kami.

## COPYWRITING JUAL TUDUNG

Dulu Makcik Sekarang Cik

Mula-mula dulu Pn Ida buat tak tau je bila buka Fb sana sini jual shawl.  
Ada yang siap tag nama Pn Ida lagi.'Berbulu' pun ada.Yelah..memang tak minat shawl.

Dah la pening nak belit-belit, susah nak pakai, ambil masa lama,  
Lepas tu bila dah siap pakai muka jadi bulat la pulak.Haih!  
Sebab tu Pn.Ida memang give up dengan shawl

Sampailah pada satu hari,  
Terpacul iklan SCARF Secrets yang sangat berlainan dari kebiasaan,  
Ada keluar corak baru. Bunga-bunga dan abstrak.Nampak moden tapi elegan.Terserlah kewanitaan.

Mulut spontan cakap "Eh, cantik betul shawl ni bila model pakai. Muka pun takdelah nampak bulat".

Dalam hati Pn Ida mulalah berkobar-kobar nak cuba. Dah siap imagine dah bila shawl tu melekap kat kepala sendiri.  
Lagilah pulak harga tudung tak mencecah ratusan ringgit pun.

Beli dari stokis Pn Ema, hari ni order esok dah sampai depan pintu.  
Yang paling menyenangkan hati ada pulak disertakan cara pemakaian. Fuh lega! Save masa. Dah tak perlu terkial-kial nak membelit.

HASILNYE?

Eh memang best la pakai shawl ni.  
Penampilan nampak lebih muda dan fresh.  
Lagi best bila suami puji :)

Pergi KLIA untuk jemput anak, ada salesgirl tu panggil "kak". Hehe.. kembang hati sekejap!  
Selalu nampak macam makcik, sekarang dah rasa macam cik !

Saya tak mampu ubah anda jadi sempurna,tapi saya boleh bantu ubah gaya tudung anda dari makcik jadi cik.  
Saya sedia bantu anda 24 jam menerima whatapps tau mesej anda.

Segera ringan kan tangan terus taip "saya suka" ke 0123456789  
Sekarang tau.

## COPYWRITING SHAMPOO RAMBUT

### RAMBUT GUGUR KA!

Biar betul ... Duk asyik gugur ja tak tumbuh-tumbuh ...  
Lepas tu botak ...

Habis silau orang tengok ... Muda lagi dah silau ..

Kesian kat orang nak tengok pemandangan sekeliling  
terhalang dek silauan tu ..

Dosa tau kalau menghalang orang ...

Dah cuba bagai nak rak tapi tak dak yang serasi ka atau  
mahal bagai nak rak tapi tak sesuai dan serasi ka ...

Mai nak habaq sikit ... Pakai sehari sekali pun tak pa ...  
Seminggu pun cukup dah eh kalau nak nampak anak  
rambut tumbuh halus mulus

Penyelesaian mudah dan mampu milik sangat-sangat eh ...

Minyak HACO memang ajaib .. Kena sihir tumbuh rambut d  
alam masa seminggu .. Jangan duk terkejut sangat nah ...

Pm atau whatsapp 010-388 4874 terus sebab nak pos terus  
kerumah anda.

## COPYWRITING JUAL EBOOK

Bismillah. Saya sedang usahakan untuk mengumpul  
250 storytelling untuk dijadikan template.

Doakan ianya siap pertengahan april 2019. Nak tanya juga.  
Korang dah belajar ke kelas telegram storytelling fast selling?  
Dalam engagement branding antara satu faktor orang suka menyinggah  
di wall anda ada story story yang anda kongsi menarik perhatian mereka.

Mereka juga manusia biasa. Apabila membaca cerita anda ia seolah olah  
terasa seperti ceritanya itu kena padanya.

### Contoh

Macam saya dulu, nak taip status harian sejam sekali memang sukar.  
Sehari adalah tiga empat posting itu pun masih hardsales.  
Sekarang dah senang semenjak belajar bercerita dalam penulisan.

Dari skrip atas ini ada tak yang rasa. Sama lah Tuan. Macam saya.  
Storytelling itu magnet keserasian. Korang setuju?

## COPYWRITING JUAL KRIM JERAWAT

Saya mencari 3 wanita berumur 30-40 tahun yang sedang mengalami masalah kulit berjerawat dan  
berminyak. Saya ada cara bagaimana merawatnya.

Rawatan yang saya sediakan ini sangat jimat dan ianya sesuai untuk anda, InshaaAllah tak jadi saya  
pulangkan semula wang anda. Sekarang klik link ini untuk bantuan segera dari saya.

## COPYWRITING PRODUK MINDA

Afiq, kenapa baca pelahan sangat? cikgu suruh kamu baca kuat bagi satu kelas dengar"

soalan saya  
korang ada anak seperti saya?

2 ASBAB yang buatan AFIQ mula berubah.  
Elok korang cuba tips dibawah ini

saya mama afiq, dulu afiq memang malas g sekolah sebab x minat belajar. bangun pagi punya la liat. Afiq sampai mengadu "pergi sekolah pun bukan dapat apa2"

saya kaji apa patut saya buat, pertama sekali saya solat hajat minta Allah tunjukkan jalan yang **terbaik**. Alhamdulillah ada signal Allah berikan kepada afiq dan semangat berseolah mudah timbul.

alhamdulillah, ikhtiar kedua ialah saya cari vitamin minda dan kecergasan afiq. Dah consume

semuanya berubah lepas saya bagi afiq makan makanan sunnah dan herba **terbaik** dunia. saya bagi 15 jenis makanan sunnah dan herba **terbaik** tu sekaligus.

Tahun ni afiq da masuk MRSM ulul albab.

----

Gstar kids

----

ada madu ada kurma ada kismis ada badam ada delima ada buah zaiton ada buah tin ada arrabic gam ada.

Tahan selama 25 hari untuk sebotol, inshaAllah kesan sebotol boleh dilihat.

Rm55 untuk sebotol  
rm80 untuk dua botol

nak mencubanya  
✓ Sms/Whatsapp "GSTAR" ke ☎ 017-4045134

atau boleh tinggalkan no telefon untuk saya PM semula.  
ingat ya no Wassup saya 017 4045134

## COPYWRITING JUAL SPRAY KASUT

Spray daun keladi. Emak atau ibu. Hentikan marah anak bila kasut sekolah mereka kotor.

Kajian pakar meneliti kesan mereka anak anak bermain sebenarnya membina otak mereka menjadi cerdas dan bijak.

Apabila kesan marah itu kerap diadaptasi. Kesan anak anak membesar dengan bijak akan terbantut. Kajian pakar juga ibu yang sering memberikan nasihat dan cara terbaik untuk atasi masalah ini dengan mengenali puncanya.

Marah itu sifatnya api. Api itu lahirnya syaitan.(kata Seorang pakar motivasi)

Jom kita cari punca.

Dan cari jalan penyelesaian. Kasut kotor kena air atau kotoran. Kita sering ambil dan basuh semula. Kerap juga berlaku sebegitu kan.

Apa saya sarankan. Ini ialah spray kalis air. Apa sahaja kotoran mahu lekat ia akan terhindar. Ibarat mencurahkan air keatas daun keladi.

Ingat perkara ini meneutralkan dua masalah

Pertamanya anda sebagai ibu akan sentiasa awet muda kerana kurangnya kemarahan kerana kasut kotor. Malahan anda jimat masa dan tenaga, paling paling berharga anda dan anak anak bertambah mesra dan berkasih sayang dengan baik.

Kedua

Anak menjadi aktif dengan baik dan otak mereka berkembang pesat.

Punca saya dah kenalpasti jawapannya. Spray kalis air untuk kotoran pada kasut sekolah anak anak InshaaAllah memberikan 1001 jawapan kebahagiaan anda dan anak anda.

Percayalah. Spray kalis air. Atau saya panggil spray daun keladi. Akan berikan yang terbaik. Jaminan wang dikembalikan jika tiada kesan menakjubkan.

Ciri ciri produk

Hanya spray dan biarkan dalam masa beberapa minit. Kemudian pakai kasut itu. Dan lihatlah perbezaan air tidak akan beri kesan kepada kasut itu.

Nak order spray daun keladi ini. Saya berikan tawaran "mak sayang anak" special harga. Cepat klik wassup link dan send kod "sdk". Cepat ada hadiah istimewa utk anak anda juga.

## COPYWRITING JUAL PRODUK KURUS

Dulu 115kg, Kini 85kg  
30kg hilang! Memang ringan la badan  
Saya cuma olahkan sedikit  
Dulu ratusan kilo milik saya (115kg),  
kini puluhan kilo milik saya juga (85kg),  
(30kg) hilang terus tak kembali!  
Badan memang terasa ringan.

Nak dapatkan sila hubungi nombor ini  
0123456789

## COPYWRITING JUAL COWAY

Salam sahabat fb semua. Saya #RazifCOWAY  
Usah kkuatir dengan iklan saya berikan ini.  
Sebab saya sekarang mencari anda yang  
sememangnya nakkan penapis air yang  
berkualiti tinggi.

Kali ini ada special offer

1. PASANG PENAPIS AIR BARU  
(SERENDAH RM66)
2. TUKAR PENAPIS AIR LAMA KEPADA  
PENAPIS AIR YANG BARU.  
(TERIMA DISKAUN SETIAP BULAN)
3. DAPAT SEORANG SALESMAN YANG  
AWESOME ( Saya lah tu)
4. SERVIS COWAY DI JAMIN SELAMAT>  
DAN GERENTI DATANG SERVIS DI RUMAH  
ATAU PERMIS ANDA.
5. SENTIASA ADA TALIAN HAYAT JIKA ADA  
SEBARANG KOMPLEN.

tunggu apa lagi  
CALLING SAYA SEKARANG DAPAT HADIAH ISTIMEWA  
Berminat sila hubungi: Whatsapp

<http://www.wasap.my/+601111903584>

#LebihJimatdenganSETCOMBO

## COPYWRITING CARI AGENT

Saya mencari Agent yang mahu membina pendapatan online sebulan RM2000.

Saya ada sistem pembelajaran yang memudahkan anda belajar tak kira dimana sahaja anda berada dan mampu membina pendapatan dari rumah secara part time sahaja.

Antara perkara yang saya berikan ialah.

Training Copywriting Percuma  
Training Closing Percuma  
Training Follow Up Percuma  
Group Support Percuma  
Sistem Order Percuma  
Ayat Skrip Closing Percuma  
Ayat Follow Up Percuma

Agent terhad untuk 50 orang sahaja. Cepat dan klik Sign Up sekarang.

p/s: Sekiranya nak memcuba produk A plus untuk anak anak sila whatsapp direct ke 019 5776767 taip AA. atau klik link ini  
[www.wasap.my/60195776767/AA](http://www.wasap.my/60195776767/AA)

## Copywriitng Usahawan HOT KITCHEN

Anda mau jadi usahawan produk makanan. Kami buka peluang untuk anda semua jadi usahawan Laura Daddy yang menghasilkan 30 jenis makanan harian yang sememangnya boleh dijual setiap hari.

Ikut pengalaman kami "Hot Kitchen" kami sedia supply 3000 makanan setiap hari. Jadi anda hanya berikan masa untuk jadi usahawan kami.

Komisen tinggi, tool tool marketing sudah kami sediakan, anda cuma copy paste dan iklankan. Orang bertanya anda jawab sahaja. Runner kami akan hantar makanan makanan itu.

Betul kami perlukan 100 orang usahwan sekitar Kuala Lumpur, Klang & Shah Alam.

Sekiranya anda handphone, ada minat untuk bersama kami menjadi Usahawan Laura Daddy Hot Kitchen marilah klik mesej dan tinggalkan nama dan no telefon Atau wasap terus kepada team kami

0123456789

p/s: Terhad ya, 100 orang sahaja dahulu. Lebih tu kami akan KIV next batch.

## COPYWRITING AGENT EDUCATION

Saya mencari anda yang ada modal RM1000 untuk menjadi Team Leader bagi produk kami. Baca habis status ini untuk detail saya berikan.

Assalamuailaikum dan salam sejahtera.

Saya Tuan Izan Shafie dan Doktor Mohd Zuri ingin mengajak anda sama sama membina Legasi Bisnes Online dengan hala tuju yang tepat dan berkesan.

Antara perkara kami beratkan dalam menjadi Team Leader kami ialah menjadikan anda seorang yang berilmu. Ya Berilmu itu maksudnya mengetahui kerja dengan baik dan tepat bagi membina perniagaan bersama kami.

Tuan Izan Shafie adalah seorang Guru dalam bidang Strategi dan Pemasaran bagi Syarikat kami. Saya sebagai pengasas (Dr Mohd Zuri) berkerjasama dengan Tuan Izan Shafie bagi membentuk usahawan celik ilmu.

Apa yang kami sudah susun ialah akan ada tiga kelas yang anda perlu hadir apabila menjadi Team Leader . Antara kelas nya ialah

### Start Up

Fokus membangunkan corak pemasaran dan jualan menggunakan platform percuma. Ada feskbook dan IG pun dah ok. Sesi ini akan memberikan anda kefahaman beberapa topik penting sebelum bermula menjadi besar.

topiknya ialah

- + Copywriting Soft Selling
- + Copywriting Hardselling
- + Personal Branding
- + Sales Data Management
- + Closing skill
- + Follow up Skill
- + Skrip Closing & Follow Up
- + Copywriting Status Harian
- + Instagram Photo Strategi

### Stand Up

Fokus membangunkan data sales yang ada kearah menjadi usahawan yang berdaya saing berserta membina sebuah syarikat yang kuat. Disini anda belajar menguatkan sistem berniaga secara auto pilot.

topiknya ialah

- + Belajar Bina Website for branding
- + Belajar Ilmu Emel marketing
- + Belajar ilmu Retargetting
- + Belajar Ilmu Instagram
- + Belajar Taktikal Fb Ads & Google Ads.
- + Belajar Plan Content Emel
- + Belajar Susun Strategi selama setahun.
- + Belajar Retargetting

### Grow Up

Fokusnya menjadikan anda seorang yang mempunyai syarikat sendiri dan menjalankan perniagaan ini dengan menjadikan anda rakan niaga kami.

- + Belajar kosting iklan berbayar
- + Belajar bina Team Sales
- + Belajar Handle Team Agent
- + Belajar kemaskan game plan
- + Belajar bina s.o.p syarikat
- + Belajar Cash flow (ilmu kewangan)

+ Belajar buka cawangan sendiri.

3 kelas di atas ini mengambil masa 3 bulan untuk habiskan modulnya. Kemudian apa yang anda akan diberikan selepas buat bayaran RM1000.

Antara yang kami bekalkan ialah.

- + Sistem jualan yang kemas. Iaitu order menggunakan sistem.
- + Diberikan produk bernilai RM810 dan ianya mengikut pakej dari syarikat kami.
- + Agent agent anda yang dilantik oleh anda di berikan kelas online dan support melalui online juga.
- + Support dari segi media TV dan Media Akhbar sudah menyusul untuk kesemuanya. TV Alhijrah baru sahaja tamat sesinya.
- + Meeting bulanan akan diadakan di HQ atau Sub HQ. Di lokasi yang strategi bagi 4 zon lantikan.
- + Produk Knowledge akan diberikan melalui fesbuk group.
- + Restok produk hanya RM60 sebulan. Mengikut pakej produk yang kami sediakan.
- + Kami sedia atau membantu postkan produk bagi setiap jualan anda setiap hari.
- + Reward tahunan yang disediakan seperti Umrah dan Kereta disediakan.
- + Reward Harian dan Mingguan disediakan

PERHATIAN SEMULA.

- P/s: Yuran RM1000 hanyalah komitmen pertama dan "di pulangkan semula RM800" bagi tujuan anda menjadi team leader supaya ada bukti diberikan produk dan syarikat kami memang ingin membantu anda menjadi usahawan bijak dan berilmu.

Produk produk kami antara yang paling laris ialah Tablet Minda Aplus, Serum HA, Cleanser, dan Detox. Semua produk kami mempunyai 16 jenis.

Saya Tuan Izan Shafie dan Doktor Mohd Zuri baru sahaja buka peluang ini dan belum ada lagi leaders di bina.

Jadi kami mencari 50 orang Team leader.

Selepas mencukupi 50 orang leaders ini kami akan tutup peluang Modal RM1000 ini, kemungkinan akan dinaikkan sehingga RM7000.

Saya mohon anda direct berhubung dengan Manager Shafiq kerana program ini akan bermula pada 22 June 2018 bagi batch pertama.

Segera Call atau wasap di talian ini. Taip "TL" untuk memudahkan Manager Shafiq membantu.

+6011 3669 9660 untuk pendaftaran.

p/s/s: Semua produk kami sudah mendapat kelulusan pihak berwajib dan kami telah pun mempunyai R&D dari Doktor Mohd Zuri.

#DoubleAA #PaduSangat #TeamLeader.

Jemput sebarkan perkara ini.

## COPYWRITING PRODUK SUSU UNTA

Copywriting

FREE TRIAL 1000 SACHET.

Susu Unta untuk ibu mengandung selesaikan masalah.

- + HB Rendah
- + Darah Tinggi
- + Kencing Manis
- + Lemah dan Lemau

Mahukah anda mencubanya. FREE TRIAL akan kami berikan kepada anda 2 sachet setiap orang. Terhad untuk 1000 sachet sahaja.

P/s: RM10 akan di caj untuk Kos postage dan kos pengurusan.

Nak dapatkan. Klik Send Message

## COPYWRITING JUAL PERFUME

### ===== RAHSIA KHUSYU' DALAM SOLAT =====

Ini adalah kisah benar dari pengalaman saya sendiri. Semoga menjadi iktibar kepada kepada kita semua.

Satu hari saya digerakkan hati untuk berhenti solat asar di sebuah masjid berhampiran pejabat saya. Alhamdulillah saya datang awal dan sempat berada di saf hadapan. Jemaah pun ramai haritu.

Tetiba hati yang sebelumnya happy bertukar jadi tidak tenteram. Fokus dalam bacaan solat mula terganggu. Rasa nak berhenti solat terus pun ada.

Bau rokok dari brader sebelah ni sangat kuat. Tak tertahan bau dia. Menyesakkan hidung sampai susah nak bernafas. Saya sememangnya sangat sensitive dengan bau rokok dari dulu lagi.

